

Emir Qatar dijangka hadir Sidang Kemuncak KL

BH- 14/12/2019

Sheikh Tamim minat kongsi idea
tadbir negara, tumpu soal pendidikan



Doha, Qatar

Anwar Hussin

anwarhussin@
bh.com.my

serta memperbaiki keadaan umat Islam dan negara Islam.

Persidangan juga bertujuan membentuk jaringan antara pemimpin Islam, cendekiawan, ulama dan pemikir di seluruh dunia, serta menghidupkan semula tamadun Islam.

Selain Sheikh Tamim, Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan; Presiden Iran, Hassan Rouhani dan Perdana Menteri Pakistan, Imran Khan, dijangka menghadiri Sidang Kemuncak Kuala Lumpur.

Dr M terima Ijazah Kedoktoran Kehormat Universiti Qatar

Tun Dr Mahathir Mohamad menerima Ijazah Kedoktoran Kehormat dalam bidang falsafah daripada Universiti Qatar di sini, semalam.

Perdana Menteri menerima anugerah itu daripada Presiden Universiti Qatar, Dr Hassan Al Derham.

Ini adalah anugerah kedua disampaikan oleh Universiti Qatar selepas Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan, yang menerimanya pada Disember 2015.

Anugerah itu bagi menghargai sumbangan Dr Mahathir da-



Dr Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali beramah mesra dengan masyarakat Malaysia pada majlis makan malam di Qatar, kelmarin. (Foto BERNAMA)

Kelmarin, Dr Mahathir mengadakan pertemuan empat mata dengan Sheikh Tamim di istananya di sini, bagi membincangkan pelbagai perkara termasuk sidang kemuncak terbabit.

Mengulas mengenai mesyuarat meja bulat dengan pemimpin industri Qatar kelmarin, Dr Mahathir berkata, ahli perniagaan di negara ini menunjukkan minat untuk melabur di Malaysia.

"Mereka banyak bertanya dan menunjukkan minat untuk me-

labur di Malaysia dan pada masa sama, mahu ahli perniagaan Malaysia melakukan kerjasama dengan mereka," katanya.

Dr Mahathir turut tertarik dengan Qatar yang mengutamakan pendidikan rakyatnya, termasuk menjemput banyak universiti terkemuka dunia untuk membuka cawangan di negara itu.

"Pada masa sama, mereka menggunakan bahasa Inggeris mengajar, melainkan mengenai agama dan bidang lain," katanya.

ngan Malaysia-Qatar," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia dan Qatar berkongsi kepercayaan dan komitmen yang sama mengenai pentingnya pendidikan.

Katanya, Malaysia percaya usaha mendapat ilmu adalah proses berterusan dan adalah hak bagi setiap individu untuk mempunyai akses kepadanya.

"Pendidikan akan meningkatkan keupayaan seseorang, dan boleh menjadi penentu penting dalam memperbaiki kehidupan," katanya.

Perdana Menteri berkata, ketika Qatar dikenakan sekatan ekonomi sejak 2017, negara itu mengatasi dengan cara sendiri.

Sebagai contoh, katanya, Qatar menceburi bidang ternakan lembu bagi mendapatkan susu, walaupun tidak mempunyai rumput yang banyak.

Sementara itu, Dr Mahathir semalam melawat pengeluaran produk tenusu terbesar di Asia Barat, Baladna Food Industries (Baladna) di Al Khor, di sini.

Baladna yang memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan FELCRA Bhd (FELCRA) di Kuala Lumpur pada Oktober lalu, bakal membangunkan ladang tenusu terbesar di Malaysia menjelang 2021.

Perdana Menteri meluangkan masa kira-kira dua jam di ladang tenusu itu dengan diiringi Naib Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Baladna, Ramez Al Khayyat.

Yang turut hadir, Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah; Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu dan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Ladang itu menempatkan 20,000 lembu tenusu dengan pengeluaran lebih 100 juta liter.

Pertemuan antara Tun Dr Mahathir Mohamad dengan Emir Qatar, Sheikh Tamim Hamad Al Thani, semalam tertumpu kepada perbincangan mengenai Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019.

Perdana Menteri berkata, Sheikh Tamim sangat berminat dengan tujuan Sidang Kemuncak itu diadakan di Kuala Lumpur selama empat hari bermula 18 Disember ini.

"Emir (Sheikh Tamim) akan hadir ke sidang kemuncak dan memberi sumbangan idea yang banyak kerana cara beliau mentadbir negara Qatar lebih menumpukan soal pendidikan," katanya kepada wartawan Malaysia selepas Majlis Makan Malam dengan masyarakat Malaysia, kelmarin.

Sidang kemuncak yang bakal berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur itu, antara lain membincangkan dan mencari jalan penyelesaian baharu terhadap masalah menimpa dunia Islam